

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	10 JULY 2017

Dr Mahathir, Anwar, Kit Siang wajar berundur: Ketua Pemuda

BH- 10/7/2017 Pg. 7

➔ Beri peluang kepada generasi muda supaya 'masalah lama' tak dibawa ke masa depan

Oleh Adha Ghazali, Faris Fuad dan Amir Mamat
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Ketua Pemuda UMNO, Khairy Jamaluddin Abu Bakar, berkata tiga tokoh politik wajar berundur daripada pentas politik tanah air kerana mereka akan terus memecahbelahkan rakyat selagi berkecimpung dalam arena ini.

Tokoh berkenaan ialah Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Tun Dr Mahathir Mohamad;

Penasihat Umum PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Ketua Par-

limen DAP, Lim Kit Siang.

Beliau berkata, Dr Mahathir dan Anwar, kedua-duanya bekas pemimpin UMNO, dilihat banyak memecahbelahkan masyarakat Melayu untuk kepentingan diri.

"Kit Siang pula bertindak mewujudkan perpecahan antara orang Cina dan Melayu, selepas menanamkan pemikiran sempit dalam kalangan rakyat," katanya pada sidang media selepas merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Sayap UMNO Bahagian Wangsa Maju di sini, semalam.

Khairy Jamaluddin yang juga Menteri Belia dan Sukan berkata, ketiga-tiga individu berkenaan harus memberi peluang kepada generasi muda daripada parti masing-masing supaya 'masalah lama' sejak 20 hingga 30 tahun lalu tidak dibawa ke masa depan.

"Berilah peluang untuk kita bertanding dalam keadaan aman dan bersaing dalam keadaan sihat," katanya.

Negarawan berstatus rendah

Di **Melaka**, Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Seri Idris Haron, berkata kelakuan Dr Mahathir yang sering membuat pusingan U dan mengeluarkan kenyataan

janggal serta pelik sejak akhir-akhir ini, meletakkan beliau sebagai seorang negarawan berstatus rendah.

Katanya, kedudukan bekas Perdana Menteri itu sebagai seorang yang pernah dihormati dan disegani satu ketika dahulu, gagal membimbing beliau ke arah kehidupan lebih baik, terutama ketika usianya melebihi 90 tahun.

"Apa yang kita tidak boleh terima, satu ketika dulu menuduh Anwar dengan pelbagai perkara, tetapi hari ini beliau boleh 'cium mulut' bersama. Saya yakin, Anwar tidak boleh melupakan kezaliman yang Dr Mahathir lakukan ke atas beliau dan keluarga selepas dipecat," katanya.

Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Melaka itu berkata demikian selepas merasmikan serentak Persidangan Tahunan Pergerakan Wanita, Pemuda dan Puteri UMNO Bahagian Tangga Batu, di Sekolah Menengah Kebangsaan Malim, Bertam, di sini, semalam.

Minggu lalu, Dr Mahathir membuat pusingan U apabila menyatakan sanggup mengangkat Anwar sebagai Perdana Menteri jika Pakatan Harapan menang pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

Malukan diri sendiri

Di **Alor Setar**, Ketua Pemuda UMNO Kedah, Datuk Shaiful Hazizy Zainol Abidin, menasihati Dr Mahathir bertenang dan berhenti daripada terus memalukan diri sendiri berikutan 'belang' sebenar beliau selaku seorang individu licik dalam melunaskan nafsu politik peribadi semakin banyak terserlah.

Katanya, selain tindakannya yang sanggup mengangkat Anwar sebagai Perdana Menteri, kelicikan bekas Perdana Menteri itu turut menyerlahkan niat sebenar beliau yang selama ini menjadikan Pakatan Harapan yang dibentuk sebagai 'alat' untuk menjayakan matlamat dendam peribadi.

"Pemuda UMNO Kedah melihat Pakatan Harapan yang dibentuk sebelum ini sedang dipergunakan oleh Dr Mahathir sekeluarga bagi melunaskan nafsu politik mereka. Bagaimanapun, kita yakin 'pakatan dendam' yang cuba direncanakan itu tidak akan memberi kesan terhadap keyakinan rakyat.

"Hakikatnya rakyat mahu mendengar kebenaran yang sebenar, walaupun episod sudah berlangsung terlalu lama. Kita nasihatkan

jentera Pakatan Harapan berhenti daripada terus merelakan diri mereka dipermainkan secara politik dalam sentimen Dr Mahathir sekeluarga.

"Pada masa sama, Dr Mahathir perlu 'berundur' dan berhenti memalukan diri sendiri. Beliau tidak perlu menjadi arkitek ataupun hero yang kononnya mahu memperbaiki keadaan yang sudah sedia ada bermasalah di dalam Pakatan Harapan," katanya dalam kenyataan di sini.

Shaiful Hazizy juga percaya Dr Mahathir terlalu terdesak untuk menjatuhkan kerajaan pimpinan Datuk Seri Najib Razak sehinggalah sanggup berbuat demikian walaupun suatu ketika dahulu sanggup memasukkan Anwar ke dalam penjara.

"Inilah hakikat pedih yang perlu ditelan seluruh rakyat Malaysia apabila melihat negarawan yang mereka sanjung dan pertahan selama ini sanggup menampilkan sifat yang terlalu peribadi, penuh dendam dan hilang arah.

"Pemuda UMNO Kedah percaya ini adalah sebahagian permainan politik yang digunakan oleh Dr Mahathir untuk menghalalkan matlamat beliau," katanya.